

Kalau ramai tak mengundi, BN akan menang: Mahathir

SINAR HARIAN

23 JANUARI 2018

MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

PUTRAJAYA - Pengerusi Pakatan Harapan (Harapan) Tun Dr Mahathir Mohamad menolak gesaan kempen Jangan Mengundi dalam PRU14 nanti.

Dalam sidang medianya di Pejabat Yayasan Perdana sebentar tadi, Tun Mahathir berkata, seruan kempen itu sengaja dibuat bagi mengelirukan rakyat yang natijahnya akan membawa sesuatu yang tidak baik buat amalan demokrasi negara.

"Segelintir orang yang membuat promosi boikot pilihan raya... kebanyakan orang ini belah sana (Umno), kononnya tiada beza Harapan dengan Datuk Seri Najib (Tun Abdul Razak), jadi tak payah undi.

"Kalau ramai tak undi, Umno/BN dapat kemenangan. Ini bukan masalah Harapan tidak lebih baik daripada Najib. Masalahnya adalah Umno nak cari kemenangan kelirukan pengundi," katanya.

Mengulas lanjut Tun Mahathir berkata, Harapan dan BN banyak perbezaannya.

"Kita semua tahu banyak perbezaan Najib dengan calon Harapan, kita ada program untuk tukar kerajaan dengan menukar struktur kerajaan," katanya lagi.

Jelasnya ramai yang berpendapat kuasa perdana menteri diguna oleh Najib secara keterlaluan malah mengawal semua 'mesin kerajaan'.

**© 2017 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2017 Hakcipta
Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/kalau-ramai-tak-mengundi-bn-akan-menang-mahathir-1.787808>